

SASTERA LISAN MEMPERKASA BAHASA MINANGKABAU MENERUSI LAGU DAN PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN DI MALAYSIA

[ORAL LITERATURE STRENGTHENS MINANGKABAU LANGUAGE THROUGH SONGS AND CULTURAL PERFORMANCE IN MALAYSIA]

SHAFATUSSARA SILAHUDIN¹

Abstrak

Sastera lisan merupakan sebahagian daripada budaya yang berkembang dan dinikmati dalam masyarakat Melayu Minang. Tradisi lisan yang disampaikan secara turun temurun berfungsi sebagai hiburan dan pendidikan. Objektif penelitian ini ialah untuk mendeskripsi fungsi sastera lisan yang bukan hanya dilihat sebagai medium hiburan semata-mata, tetapi dapat memperkasa Bahasa Minangkabau. Penelitian secara kualitatif ini dilakukan melalui dua kaedah: pemerhatian terhadap penyampaian sastera lisan dalam lagu dan persembahan kebudayaan dalam masyarakat Melayu Minang di Malaysia dan kajian pustaka. Hasil daripada penelitian dapat dirumuskan beberapa perkara. Pertama, menerusi persembahan randai/teater Minang, pantun dan nyanyian rakyat, bahasa Minangkabau dapat diperkukuh dalam masyarakat. Kedua, seni persembahan berbahasa Minangkabau berupaya memenuhi hasrat, cita-cita dan sumber inspirasi ke arah kehidupan yang lebih baik dalam kalangan pendukungnya yang mempunyai hubungan sejarah dan budaya dengan masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat, Indonesia.

Kata Kunci: sastera lisan, bahasa Minangkabau, Melayu Minang, Sumatera Barat, Malaysia.

Abstract

Oral tradition lives in the midst of Malay Minang people for a long time. It is passed down orally from one generation to the next functioned as entertainment and education. The objective of this study is to describe the function of oral literature that not only does it to entertain but to strengthen the Minangkabau language. This qualitative research has been conducted by employing two methods: observing the presentation of oral literature through songs and cultural performances in Malay Minang community in Malaysia, and reviewing literature in relation with the Minangnese. This study summarized that through Minang randai/theatre performance, pantun and songs the Minangkabau language (Minangnese) can be strengthened within the community. The oral tradition through performing arts able to fulfill the desires and as the source of inspiration towards a better life among the community in Malaysia how have historical and cultural ties with the Minangkabau community in West Sumatra, Indonesia.

Keywords: oral tradition, Minangness, Malay Minang, West Sumatra, Malaysia.

¹ Leiden University Institute for Area Studies (LIAS), Netherlands.

Corresponding Author:

SHAFATUSSARA SILAHUDIN, Leiden University Institute for Area Studies (LIAS), Netherlands.
E-mail: shafaatussara@gmail.com

Cite This Article:

Shafa' atussara Silahudin. (2021). Sastera Lisan Memperkasa Bahasa Minangkabau menerusi lagu dan persembahan Kebudayaan di Malaysia. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(1), .

PENGENALAN

“A language is not just words. It’s a culture, a tradition, a unification of a community, a whole history that creates what a community is. It’s all embodied in a language”. (Noam Chomsky)

Masyarakat etnik di alam Melayu telah wujud sejak ratusan tahun yang lalu. Masyarakat etnik telah memelihara dan mengembangkan tradisi mereka sebagai keperluan hidup mereka. Masing-masing etnik memiliki tradisi tersendiri. Secara jelas, setiap masyarakat etnik memiliki wilayah budaya tertentu seperti yang boleh ditunjukkan oleh wilayah budaya masyarakat etnik Jawa, Sunda, Madura, Batak, Melayu, Bugis dan Minangkabau. Setiap daripada mereka berupaya memelihara identiti sebagai suatu masyarakat etnik yang masih tetap berlangsung. Masing-masing etnik memiliki tradisi dan sistem budaya yang berbeza yang ditentukan oleh bagaimana pandangan mereka terhadap alam (kosmos) dan bagaimana mereka menempatkan diri mereka dalam tatanan alam itu. Mochtar (1980) menjelaskan bahawa terdapat dua pola sistem budaya Nusantara di Indonesia, iaitu pola J (pola Jawa) dan pola M (pola Minangkabau). Etnik yang memiliki pola J dicirikan sebagai hirarkis, feodalistik dan paternalistik. Orientasi budaya ke kraton (istana) adalah sebagai pusat kekuasaan. Kepatuhan dan anti penyimpangan merupakan sikap dasar etnik berpola J. Masyarakat dalam pola J bersifat sinkretik dan sekular. Masyarakat berpola M dilihat sebagai masyarakat yang tribal atau bersuku-suku, demokratik, fraternalistik (kerabat) dan desentralistik (pemerintahan daerah bagi mengurus pemerintahan sendiri). Kekuasaan wujud di negeri-negeri kecil di desa yang boleh dibahagikan secara fungsional: ninik-mamak mengurus adat, alim-ulama mengurus agama, cerdik pandai mengurus masalah dunia, dan manti/dubalang (hulubalang) mengurus keamanan negeri. Oleh kerana sifatnya yang hierarki, paternalistik dan feodalistik, keselarasan bagi orang berpola J terletak dalam perbezaan tempat seseorang dalam masyarakat: ada yang tua/muda, tinggi/rendah, dan raja/hamba. Keselarasan dalam masyarakat berpola J melahirkan tradisi-tradisi dalam berkomunikasi atau bahasa yang bertingkat-tingkat, tradisi dalam kesenian, tradisi dalam tata krama (adat sopan santun) dan lain-lain bentuk tradisi sebagai perwujudan konsep dan sistem kebudayaan berpola J. Sebaliknya dalam masyarakat berpola M, keselarasan tidak terdapat dalam tingkatan-tingkatan, tetapi pada hubungan dalam wujud dalam masyarakat tersebut. Alam terkembang yang dijadikan guru oleh masyarakat berpola M memperlihatkan bahawa semua unsur alam memiliki peranan masing-masing dan saling berhubungan. Perbezaan seseorang tidak ditentukan oleh status sosialnya akan tetapi oleh fungsinya. Seperti kata Navis, “saling berhubungan tetapi tidak saling mengikat, saling berbenturan tetapi tidak saling melenyapkan, saling mengelompokkan tetapi tidak saling meleburkan (Navis, 1984: 59). Masyarakat Minang dikenali sebagai suku bangsa yang mempunyai ciri khas tertentu. Mereka mempunyai pelbagai bentuk tradisi yang disajikan secara lisan dari generasi ke generasi. Etnik Melayu Minang terkenal dengan falsafahnya “Alam Takambang Jadi Guru”. Mereka melihat segala hal yang berlaku sebagai pedoman dalam kehidupan. Tradisi masyarakat Minang berasal dari alam sebagai sumber penciptaan karya dan budaya. Sastera lisan menjadi sebahagian daripada tradisi Melayu Minang yang menggunakan Bahasa Minangkabau sebagai medium

utama. Sastera lisan sangat dekat dengan kehidupan mereka kerana terkandung gagasan, ajaran dan harapan.

OBJEKTIF

Objektif utama penelitian ini ialah untuk mendeskripsi fungsi sastera lisan yang bukan hanya dilihat sebagai medium hiburan semata-mata, tetapi dapat memperkasa Bahasa Minangkabau dalam kalangan masyarakat Melayu Minang di Malaysia.

METODOLOGI

Jenis kajian ini adalah kajian kualitatif. Bogdan & Biklen (1998) menyatakan bahawa penelitian kualitatif merupakan penelitian bagi memahami keadaan atau fenomena tentang apa yang dialami subjek penelitian yang berupa persepsi, tindakan dan sebagainya. Pendekatan kualitatif digunakan atas dasar permasalahan yang dikaji iaitu mendeskripsikan pemerksaan Bahasa Minang menerusi sastera lisan dalam masyarakat Melayu beridentiti Minang di Malaysia.

Pengumpulan data adalah melalui pemerhatian, wawancara, dan kajian pustaka. Pemerhatian dilakukan untuk mengetahui sejauh mana aktiviti sastera lisan dalam kalangan masyarakat Melayu beridentiti Minang di Malaysia. Di samping itu, pengumpulan data dilakukan melalui wawancara secara tidak formal bersama beberapa informan Melayu beridentiti Minang di Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan. Pemilihan informan dalam penelitian ini berdasarkan kapasiti dan pengetahuan mereka mengenai adat resam dan budaya Melayu Minang dalam konteks Malaysia.

Penelitian ini tidak mengesampingkan kajian pustaka yang telah dijalankan di perpustakaan Universiti Malaya di Kuala Lumpur.

HASIL PENELITIAN DAN PERBINCANGAN

Dua perkara dilihat sebagai elemen penting sebagai membahas hasil kajian ini. Pertama ialah ringkasan perkembangan masyarakat Melayu Minang di Malaysia. Kedua, peranan sastera lisan menerusi persembahan randai/teater Minang, pantun dan nyanyian rakyat dalam memperkukuh bahasa Minangkabau.

a) Masyarakat Melayu beridentiti Minang di Malaysia

Komuniti Melayu di setiap negeri memiliki adat resam yang hampir kurang sama. Namun, jika diteliti secara mendalam, masyarakat Melayu di setiap negeri berbeza kerana memiliki latar belakang yang berbeza. Melayu Johor di selatan tentu sahaja berbeza dengan Melayu Kedah atau negeri-negeri di bahagian utara Semenanjung Malaysia. Masyarakat Melayu Johor begitu sinonim dengan budaya Jawa. Pada awal abad kesembilan belas, sejumlah besar masyarakat Jawa telah dibawa masuk ke Johor untuk terlibat dalam sektor perladangan. Masyarakat Melayu di Kedah dan kawasan utara lainnya lebih mirip kepada budaya dan resam masyarakat di selatan Thailand. Dalam konteks bahasa pertuturan seharian, sudah tentu kedua-dua kumpulan ini berbeza antara satu sama lain.

Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan utara Melaka sinomin dengan adat resam dan budaya adat Minangkabau yang bersifat matrilineal. Sebagai contoh, harta dan tanah diwariskan kepada anak perempuan sementara urusan agama dan politik adalah rusuan lelaki (Patimah Ali, wawancara pada 29 September 2018). Mengikut sejarah, sekurang-kurangnya pada tahun 1850-an, peneroka berketurunan Minang yang datang dari Sumatera Barat membuka hutan dan mengusahakan perlombongan timah terutama di beberapa kawasan terutamanya di Kuala Lumpur. Ini seiring dengan waktu berakhirnya Perang Paderi pada tahun 1803-1838 yang berlaku di Sumatera Barat.

Pada hari ini, masyarakat Melayu beridentiti Minang di Malaysia boleh dijumpai di negeri-negeri lain seperti Johor dan Kuala Lumpur kesan daripada faktor pekerjaan dan perkahwinan (Jedzry Fadzlin Jalaluddin, wawancara pada 28 September 2018). Masyarakat Melayu beridentiti Minang mempunyai masakan khas yang begitu popular dikenali sebagai masakan Padang. Orang Melayu Minang di Malaysia begitu menonjol dalam pelbagai bidang termasuk intelektual, professional dan perniagaan.

Antara tokoh Melayu beridentiti Minang yang disegani ialah Haji Abdullah Hukum. Beliau disebut-sebut sebagai antara peneroka terawal di Kuala Lumpur. Abdullah Hukum menjejakkan kaki di wilayah Kuala Lumpur ini pada tahun 1850 kerana mengikut ayahandanya yang berasal dari Kerinci, Sumatera. Nama asal beliau ialah Muhammad Rukun; pernah bekerja sebagai pengolah tanah dan perdagangan kain. Setelah mendapat izin daripada Raja Muda Selangor, Abdullah Hukum membuka beberapa kawasan termasuk kawasan Pudu, Bukit Nanas dan Sungai Putih (Seputeh). Di Sungai Putih inilah beliau bermukim hingga beliau pulang ke Sumatera pada tahun 1929. Bagi memperingati jasa-jasanya, salah satu permukiman di Jalan Bangsar telah dinamai dengan Kampung Abdullah Hukum.

Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim merupakan figura berketurunan Minang yang menetap di Kuala Lumpur. Beliau dilahirkan pada tahun 1942 daripada pasangan asal Minangkabau iaitu Mohammad Yatim alias Jatin bin Tahir (bapa) dan Siandam (ibu). Rais Yatim yang juga mantan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia dari tahun 2009 hingga 2013. Sehingga kini, beliau sering kali diundang memenuhi acara kebudayaan di pelbagai peringkat. Dalam kalangan generasi pada hari ini, Rais Yatim begitu sinonim sebagai figura atau anak Minang yang berjaya.

Ringkasnya, dalam memperkatakan perihal Melayu Minang di Malaysia, dua tokoh utama iaitu Abdullah Hukum dan Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim merupakan antara tokoh yang sering diberi perhatian menerusi peranan dan pencapaian dalam bidang masing-masing. Ketokohan kedua-duanya secara tidak langsung mencerminkan keperibadian dan jati diri Melayu Minang di Malaysia.

b) Sastera lisan dalam masyarakat Melayu Minang

Beberapa sarjana pernah memerihalkan sastera lisan dalam masyarakat Minangkabau secara umum. Sibarani menjelaskan bahawa sastera lisan merupakan elemen budaya tradisional masyarakat yang diwarisi turun temurun dari satu generasi ke generasi berikutnya, baik tradisi itu berupa susunan kata-kata lisan (verbal) atau tradisi bukan lisan (non verbal) iaitu secara bertulis (Sibarani, 2012: 123). Menurut Sims & Stephens (2005: 19), tradisi lisan merupakan hal-hal yang dipelajari secara tidak formal berkaitan pengetahuan dunia, diri, komuniti,

kepercayaan, budaya dan tradisi menerusi pelbagai media termasuk perkataan, muzik, pakaian, tindakan, tingkah laku dan material.

Pudentia (2000: 3) pula menjelaskan sastera lisan tidak hanya mencakup pantun, pepatah, mantra, cerita rakyat, teka teki, peribahasa, nyanyian rakyat, dan legenda/epik sahaja tetapi juga berkaitan dengan sistem kognitif kebudayaan seperti sejarah hukum dan ilmu pengubatan yang disampaikan dari mulut ke mulut. Sastera lisan dalam kajian ini dibahagikan kepada tiga: randai/teater Minang, pantun dan nyanyian rakyat Melayu Minang.

i) Randai

Randai merupakan satu bentuk kesenian tradisional Minangkabau. Unsur-unsur dasar dalam kesenian randai adalah cerita yang dimainkan, dendang (nyanyian), gerak tari yang bersumber daripada gerak silat Minangkabau dan dialog serta lakonan oleh pemain-pemain yang memegang watak tertentu (Esten dalam Sedyawati et. al. 1982: 114). Cerita yang dipersembahkan dikenali sebagai kaba; kebanyakan daripadanya dipersembahkan tanpa naskhah. Perkara penting dalam randai adalah pemain/pelakon mengenal jalan cerita dan mengenal watak atau tokoh yang dimainkan. Pemain biasanya terdiri daripada sembilan hingga lapan belas orang. Tidak ada ketetapan mengenai jumlah pemain. Mereka membentuk formasi lingkungan atau bulatan dan membuat improvisasi melalui gerak geri silat sambil menepuk-nepuk celana/seluar. Pergerakan seperti ini melahirkan persembahan yang dinamik dibawah pimpinan seorang komandan.

Satu atau dua orang pemain bergerak ke dalam formasi lingkaran dan bertindak sebagai pendandang. Setiap kali selesai melakukan improvisasi, pemain melakukan gerak jalan biasa tetapi masih dalam lingkaran. Pada ketika inilah pendandang mulai melagukan kaba. Biasanya yang didendangkan itu adalah sebahagian episod yang tidak didialogkan atau dilakonan. Dendangan juga berfungsi mengalihkan satu putaran ke putaran yang lain. Pendandang satu menyambung apa yang telah disampaikan oleh pendandang lain. Persembahan dendangan diiringi oleh beberapa alat muzik termasuk rebana, akordion/keyboard, violin, gitar dan gitar bass.

Persembahan randai dilakukan dalam acara-acara kebudayaan, seperti acara perasmian dan malam kesenian. Persembahan randai diwakili rata-rata mereka berusia muda dan pertengahan. Ketika randai dipersembahkan hubungan antara pertunjukan dan penonton adalah longgar. Ini bermakna, penonton boleh meninggalkan ruangan pertunjukan kemudian kembali semula tanpa mengganggu pertunjukan.

Pertunjukan randai adalah bersifat arena. Penonton mengambil posisi dalam formasi lingkaran sesuai dengan formasi para pemain. Jarak antara penonton dan pemain adalah dekat bagi menimbulkan rasa akrab. Penonton dibenarkan bersorak tanpa mengganggu persembahan dendangan atau menyaksikan improvisasi pemain. Sorakan ini menjadikan persembahan randai hidup dan pemain lebih bersemangat.

Tidak seperti randai, pementasan teater Minang bukan satu perkara yang sering dilakukan. Hal ini kerana beberapa faktor termasuk berkurangnya bilangan pelakon yang boleh berdialog dalam bahasa Minangkabau dengan baik, masa yang panjang diperlukan bagi latihan teater dan faktor kewangan. Menurut Kemalia dalam laporannya terbitan suratkhbar tempatan MStar, sebuah teater muzikal Minang yang dinamakan Teratak Minang telah dipentaskan pada

16 hingga 18 April tahun 2010 di Kuala Lumpur (Kemalia, 2010). Teater ini mengangkat kisah yang cukup unik yang terkait budaya Minangkabau melintasi Selat Melaka. Dikatakan bahawa produksi teater ini turun padang mengembara mencari pelakon hingga ke Padang, Sumatera Barat, Indonesia. Tujuan teater muzikal ini diadakan adalah untuk mengutip dana amal ke atas mangsa gempa bumi di Padang pada akhir tahun 2009. Pemilik produksi ini, Den Wahab atau nama sebenar Zaharudin Abdul Wahab yang berdarah Minang berasa terpenggil untuk membantu mereka di tanah Minang di Sumatera Barat, Indonesia kerana beliau masih mempunyai saudara mara di sana.

Bagi menyuntik rasa kecintaan terhadap bahasa Minangkabau dalam produksi teater *Teratak Minang* ini, penyanyi Elly Kassim yang popular dengan lagu klasik Minang dan ikon budaya Minang telah diundang. Selain Elly Kassim, beberapa penyanyi lagu-lagu Minang turut sama terlibat dalam produksi ini iaitu Eddy Silitonga, Ally Noor dan Mastura. Lagu yang dipersembahkan dalam teater muzikal ini ialah “Ayam Den Lapeh”, “Malam Bak Inai”, Bugis Lamo” dan “Baralek Gadang”.

ii) Pantun

Dalam kebudayaan Melayu Minang, pantun merupakan sastera lisan yang banyak digunakan dalam perbualan harian atau sekurang-kurangnya dalam teks ucapan dalam majlis-majlis rasmi di Malaysia. Sebagai contoh, Tan Sri Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim menggunakan rangkap-rangkap pantun dalam teks ucapan beliau. Beberapa rangkap pantun dalam teks ucapan beliau yang diterbitkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (2010) telah dirujuk. Dalam ucapannya, Rais Yatim merangkum pelbagai aspek termasuk ekonomi, politik, sosial, psikologi dan kebudayaan dengan tumpuan khusus diberikan kepada pembangunan seni dan budaya rakyat negara ini. Dalam ucapan beliau ketika merasmikan Program Merakyatkan Seni dan Budaya di Ulu Lakai, Negeri Sembilan, Rais Yatim memulakan ucapannya dengan serangkap pantun:

Makan nangka, buah petai,
Minum dulu dari batang,
Sudah lama tak ke Ulu Lakai,
Baru kini sama datang.

Setelah memulakan salam dan menyampaikan kata hormat kepada para tetamu terhormat, Rais seterusnya membaca serangkap lagi pantun:

Ribut-ribut di Mentakab,
Jatuh dahan satu-satu,
Semua yang hendak di cakap,
Walaupun dalam hati tak ingat sesuatu.

Penggunaan rangkap-rangkap pantun dalam teks ucapan Rais Yatim menjadikan majlis pada hari itu bagaikan dipuput angin lembut. Rais Yatim meraikan kehadiran penduduk-penduduk kampung dari Ulu Lakai dan mengharapkan kesejahteraan buat mereka. Antara isi

kandung ucapan Rais Yatim ialah beliau mengharapkan anak-anak Orang Asli di kawasan tersebut menimba ilmu di Sekolah Kampung Putra. Kerajaan pusat bersedia memberi bantuan kepada anak-anak ini agar mereka tidak keciciran dalam pendidikan formal. Rais Yatim turut menekankan sikap budi bahasa dan kebaikan dalam masyarakat. Rangkap pantun ketiga dikongsikan seperti berikut:

Orang menanam ubi,
Kita menembak rusa,
Orang suka berbudi,
Kita menerima jasa.

Pantun di atas merupakan simbolik kepada penganjuran program berbudi bahasa dan ramah-tamah menerusi majlis kenduri kampung ini. Menurut beliau, “budi adalah tiang seri hidup. Hilang budi hilang bangsa”. Menurut Rais Yatim, bahasa Adi Kiavarman iaitu satu tamadun lama di Sumatera menyatakan “biar hilang negara, jangan hilang keluarga”. Usaha kementerian yang diketuai Rais Yatim untuk masuk ke kampung-kampung merupakan salah satu usaha dalam mempergiat acara kebudayaan dan kesenian luar bandar.

Beberapa tatacara tradisional masyarakat diperkenalkan semula menerusi program ini. Antaranya, para hadirin duduk bersila di atas tikar mengkuang sambil menikmati hidangan yang disediakan. Rais Yatim menjelaskan tatacara duduk bersila ini merupakan tradisi nenek moyang. Melalui pengenalan semula tatacara warisan nenek moyang ini sekurang-kurangnya masyarakat tempatan menghargai nilai budi dan kebersamaan yang ditonjolkan. Meskipun duduk bawah bersila nilai harmonis, kasih sayang antara manusia, kemurahan rezeki dan keinginan untuk berjaya harus dikekalkan. Sebelum mengakhiri ucapan dengan salam penutup, Rais Yatim membaca dua rangkap pantun. Pantun pertama mempunyai empat baris, pantun kedua mempunyai enam baris. Pantun-pantun seperti berikut:

Dibilang-bilang jari nan sepuluh,
Patah satu tinggallah lapan,
Kalau dah kurang hati dan peluh,
Maka kita letakkan nada pada hati yang lapang.

Kalau berdentum di Gunung Daik,
Itulah tanda orang memerun,
Berhimpunlah kita anak beranak,
Kalau tersinggung masa naik,
Kok berdentum masa turun,
Berilah ampun banyak-banyak.

ii) Lagu rakyat Melayu Minang

Lagu rakyat merupakan salah satu bentuk sastra lisan yang dipraktikkan oleh masyarakat Melayu Minang. Lagu “Apo Kono Eh Jang” dendangan Ally Noor dan Mastura merupakan satu contoh lagu rakyat Negeri Sembilan dan bercirikan Melayu Minang. Lagu ciptaan Ikhtiman Ismail pada tahun 1983 ini merupakan lagu kegemaran tidak terbatas kepada masyarakat Melayu Minang, malah sekumpulan besar masyarakat di Malaysia. Lirik lagu ini menggunakan dialek Melayu Minang dari Negeri Sembilan.

Dikatakan bahawa dialek Negeri Sembilan merupakan dialek campuran antara bahasa Melayu, bahasa Rao, bahasa Minang dan bahasa Kampar di Riau. Sebilangan masyarakat pula percaya bahawa dialek Minang Negeri Sembilan menyamai bahasa pertuturan yang digunakan di Payakumbuh. Oleh kerana kebanyakan penduduk Melayu di Negeri Sembilan beridentiti Minang, maka bahasa pertuturan di Negeri Sembilan memberat sebagai bahasa Minang. Berikut disertakan sebahagian daripada seni kata lagu “Apo Kono Eh Jang”:

“Apo Kono Eh Jang”

Jang oh Jang
Mano pulak poyi eh budak bertuah ni
Sonyap yo
Siaplah Jang oi...
Kobau tu tak boyi makan lai

Batu Kikir jambatan bos
Gulai udang sebelango
Cubo omak fikir dalam hati
Ayo ni bujang sudah lamo aih

Apo kono eh Jang kau monung ajo
Orang ke bulan ekau di mano
Muko bepoluh apo teghosa
Carian ubek penawa duko

Poyilah mandi hari dah tinggi
Jangan temonung menoman tango
Ke sawah kito menuai padi
Apo dikonang pekaro yang sudah

Si Milah kau gilokan
Orang dah masuk meminang
Mano den lotak muko
Kondak kau Jang diambik orang
Biar omak cari yang lain
Ompuk orang jangan diidam

Lagu ini mengisahkan kerunsingan seorang ibu kepada anak lelakinya yang masih tidak mahu bekerja meskipun sudah memiliki pendidikan tinggi. Sang ibu menasihati anak lelakinya supaya rajin bekerja. Jika tidak, gadis idaman anak lelakinya, Milah akan dipinang orang lain. Terdapat elemen-elemen alam terkandung dalam teks nyanyian ini seperti Batu Kikir (nama tempat di Negeri Sembilan), kobau (kerbau), sawah padi dan sebagainya bertujuan mempamerkan identiti bahasa Melayu Minang di Negeri Sembilan.

Atas minat yang mendalam, peminat lagu rakyat Negeri Sembilan telah mengambil inisiatif memuat naik klip video lagu “Apo Kono Eh Jang” di laman YouTube. Kajian mendapati bahawa lagu ini berupaya membawa kembali kenangan manis di kampung halaman di Negeri Sembilan dalam kalangan peminat lagu rakyat yang rata-rata merupakan Melayu Minang. Ini ditunjukkan menerusi perbualan dalam talian antara peminat dalam ruangan maklum balas klip video lagu ini. Mereka teruja dan merindui makanan tradisi Minang iaitu gulai lemak yang popular di Negeri Sembilan. Paling ketara, mereka berkomunikasi dalam bahasa atau dialek Minang Negeri Sembilan dan bahasa Minang di Sumatera Barat.

Ada juga beberapa lagu Minang yang hadir lebih awal daripada lagu yang disebutkan di atas. Lagu dalam kategori ini dinamakan lagu klasik Minang. Pada hari ini banyak lagu klasik Minang telah diberi nafas baru. Lagu “Ayam Den Lapeh” termasuk dalam kategori ini. Umum mengetahui bahawa lagu ini dipopularkan oleh Elly Kassim, anak Minang kelahiran Tiku, Kabupaten Agam, Sumatera Barat. Elly merakam lagu ini pada tahun 1964. Lagu ini dicipta oleh Pak Hamid dan mula dirakam oleh Orkes Gumarang pada tahun 1950-an.

Lagu “Ayam Den Lapeh” merupakan lagu yang sering dipersembahkan oleh kumpulan-kumpulan muzik tradisional dan moden dalam majlis-majlis rasmi kerajaan negeri, perkahwinan, acara perasmian dan kebudayaan. Lagu ini turut pernah dirakam semula oleh penyanyi Singapura bertaraf antarabangsa, Anita Sarawak dan Sharifah Aini dari Malaysia. Lagu ini juga pernah dirakam semula dalam bahasa Vietnam.

Selain “Ayam Den Lapeh”, lagu klasik Minang nyanyian Elly yang lain yang turut popular di Malaysia termasuklah “Kudaku Lari”, “Kaparinyo”, “Mudiak Arau”, “Balarek Gadang” dan “Bapisah Bukan Bacarai”. Hari ini, masyarakat Malaysia boleh menikmati lagu-lagu Minang dari Sumatera Barat dengan mudah menerusi laman YouTube dan beberapa saluran muzik yang lain. Di Malaysia, Elly Kassim dilihat sebagai ikon lagu-lagu Minang sehingga beliau pernah dianugerahkan sebagai Bintang Seniman sebagai penghargaan khas kepada penyanyi tradisional pada tahun 2007.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian, dapat disimpulkan beberapa hal seperti berikut. Beberapa sastera lisan dalam kalangan masyarakat Melayu Minang di Malaysia masih kekal dan dipraktikkan hingga hari ini. Kajian ini juga telah menemukan pendukung seni sastera lisan daripada pelbagai usia dan peringkat. Pelestarian sastera lisan terus berlangsung dalam masyarakat Melayu Minang. Pada waktu yang sama, bahasa Minangkabau turut berupaya dilestarikan menerusi sastera lisan yang dipersembahkan atau diperdengarkan.

Masyarakat Melayu Minang di Malaysia menikmati tradisi sastera lisan melalui penghayatan dan penglibatan mereka menerusi persembahan kebudayaan dan lagu. Ini menunjukkan masyarakat Melayu Minang terutama di Negeri Sembilan masih mengamalkan

adat resam dan budaya Minangkabau yang diwarisi sejak zaman berzaman. Mereka bercita-cita agar resam dan budaya Minang termasuk bahasa Minangkabau dapat terus dipelihara dan dijunjung menerusi sastera lisan. Bahasa Minangkabau, menurut mereka, merupakan warisan kebanggaan nenek moyang yang perlu dikekalkan.

Sastera lisan masyarakat Melayu Minang berfungsi sebagai pendorong bagi masyarakatnya dalam menuju tataran yang lebih baik melalui pesan-pesan yang disampaikan menggunakan bahasa Minangkabau. Masyarakat, bukan sahaja Melayu Minang tetapi sesiapa juga yang menikmati sastera lisan ini terinspirasi dan mendapat semangat hidup, kebahagiaan dan optimistik. Daripada sisi lain, sastera lisan dalam masyarakat Melayu Minang berperanan sebagai pembentukan karakter. Pilihan kata yang digunakan dalam lagu dan puisi (pantun) menggunakan kosa kata Minangkabau menyiratkan nilai-nilai kearifan lokal.

Penghargaan

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih panelis Kongres Bahasa Minangkabau, penulis, seniman dan pendukung budaya di Padang, Sumatera Barat, Indonesia dalam memberikan pandangan dan fikiran berkaitan penulisan ini. Penyelidikan ini disokong sepenuhnya oleh badan Pemerintah Provinsi Sumatera Barat Dinas Kebudayaan, Indonesia.

RUJUKAN

- Bogdan, R. C & Biklen, K. S. 1998. *Qualitative Research in education: An Introduction to Theory and Methods*. Boston: Allyn and Bacon, Inc.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2010. *Koleksi Ucapan Dr. Rais Yatim: Alam Terbentang Menjadi Guru (Mac 2004- Mac 2008)*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Mochtar, N. 1980. *Minangkabau dalam Dialektika Kebudayaan Nusantara*. Bukit tinggi: Panitia Seminar.
- Navis, A. A. 1984. *Alam Berkembang Jadi Guru*. Jakarta: Grafiti.
- Sedyawati et al. (ed.) 1982. *Seni dalam Masyarakat Indonesia*. Jakarta: Gramedia.
- Sibarani, R. 2012. *Kearifan Lokal: Hakikat, Peran dan Metode Tradisi Lisan*. Jakarta: Asosiasi Tradisi Lisan.
- Sims, M. C. & Stephens, M. 2005. *Living Folklore. An Introduction to Study of People and Their Traditions*. Utah: Utah State University Press.
- Pudentia, M. P. S. S. 2007. *Hakikat Kelisanan dalam Tradisi Melayu Mak Yong*. Depok: Fakultas Ilmu Budaya, Universiti Indonesia.
- Kemalia, O. 2010. "Teratak Minang Angkat Budaya Minangkabau". Tarikh mengakses adalah pada 29 September 2018. <http://www.mstar.com.my/hiburan/berita-hiburan/2010/03/21/teratak-minang-angkat-budaya-minangkabau/>
- Jedzry Fadzlin Jalaluddin. 28 September 2018. Wawancara diadakan di kediaman beliau di Seri Kembangan, Selangor.
- Patimah Ali. 29 September 2018. Wawancara diadakan di kediaman beliau di Bahau, Negeri Sembilan.